



Ruj. Kami : JPNP.SPMd.600-3/2/1 Jld.16 (05)
Tarikh : 8 Januari 2024

Ketua Pegawai Eksekutif
ME12PAY Sdn. Bhd.,
2-19-01 Worldwide@7,
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,
40000 SHAH ALAM.

Tuan,

PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM *GO-DIGITAL* SEKOLAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH BAGI SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2024-2025

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah menerima permohonan daripada pihak tuan untuk **Permohonan Pelaksanaan Program *Go-Digital* Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2024-2025** pada **10 Mac 2024 hingga 31 Disember 2024**. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang **tiada halangan** untuk memberi **kebenaran** kepada pihak tuan untuk menjalankan program seperti di atas bagi tahun 2024-2025.

3. Walau bagaimanapun kebenaran ini tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil 5/2018, Bil.7/1988 dan Bil.8/2009, Bil 5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010, Surat Siaran KPM Bil 1/2023 dan Bil 2/2023** serta mematuhi **Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Standard Operating Procedure (SOP)** yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Permohonan hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan seperti yang berikut :

- i. Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- ii. Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- iii. Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- iv. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

JPNP.SPMd.600-3/2/1 Jld.16 (05)

- v. Penggunaan logo JPNP dan sebarang logo berkaitan hanya untuk backdrop, banner, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk mendapat tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial;
- vi. Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- vii. Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- viii. Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberi laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- ix. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- x. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- xi. Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuat kuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon memastikan agar kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara wajib diterapkan dalam aktiviti/persembahan murid;
- xii. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- xiii. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (rujuk SPI Bil5/2018);
- xiv. Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;
- xv. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;

JPNP.SPMd.600-3/2/1 Jld.16 (05)

- xvi. Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada 31 Disember 2023. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur disaran untuk menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum bulan November 2023; dan
- xvii. Pendaftar berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **ME12PAY Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **Program Go-Digital Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Bagi Sesi Persekolahan Tahun 2024-2025** pada **10 Mac 2024 hingga 31 Disember 2024**. Sebarang pertanyaan berkaitan, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Wan Nor Hasnizar binti Wan Abdul Razak** menerusi talian **09-5715894/019-9200980**.

Kerjasama dan sokongan tuan dalam perkara di atas amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

“ MALAYSIA MADANI ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSOF BIN KASSIM)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan Pahang

- s.k.
- 1. Pengarah Pendidikan Pahang
 - 2. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Pahang
 - 3.  Ketua Penolong Pengarah
Pembangunan Bakat Murid
Sektor Pembangunan Murid
 - 4. Fail Timbul